





**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Oleh:

**KAMAL BADRUL HISYAM BIN MOHAMED**  
**Sarjana Muda Sains (Polisi Awam Dan Sekitaran)**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengajian Am**  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
**Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia**  
**(KUSTEM)**

**2002**

**1100032997**

## Dedikasi

TERISTIMEWA

UNTUK ABAH DAN MA,

ADIK - ADIK,

CIK ANI DAN AYAH CHIK.

# Senarai Kandungan

Muka surat

<b>Senarai Rajah dan Jadual</b>	i
<b>Prakata</b>	ii
<b>Penghargaan</b>	iii
<b>Ringkasan Eksekutif</b>	iv
<b>BAB 1: LATAR BELAKANG</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Sejarah Ringkas Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK)	1
1.2 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	6
1.2.1 Pengenalan Bahagian Perumahan	6
1.2.2 Misi Bahagian Perumahan	7
1.2.3 Objektif Bahagian Perumahan	8
1.2.4 Piagam Pelanggan Bahagian Perumahan	9
1.3 Tumpuan Pasaran	10
1.4 Maklumat Organisasi	10
1.5 Carta Organisasi	11
1.6 Aktiviti Organisasi	12
1.6.1 Tugas dan Tanggungjawab Bahagian Perumahan	12
1.7 Kemahiran yang Dipelajari	16
1.7.1 Unit Pentadbiran dan Kewangan	16
1.7.2 Unit Penempatan dan Penguatkuasaan	18

## **BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.0	Pengenalan	20
2.1	Mengesan Sistem Sedia Ada	20
2.1.1	Unit Penempatan dan Penguatkuasaan	20
2.1.2	Unit Pentadbiran dan Kewangan	23
2.1.3	Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Projek	24
2.2	Mengenalpasti Masalah	39
2.2.1	Unit Pentadbiran dan Kewangan	39
2.2.2	Unit Penempatan dan Penguatkuasaan	41
2.2.3	Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Projek	41
2.2.4	Lain-lain Masalah	42
2.3	Analisis Masalah dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan	
2.3.1	Rumusan Analisis dan Perbincangan	43
2.3.2	Cadangan Penyelesaian	45
2.3.3	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	47
2.4	Penutup	48
	<b>Rujukan</b>	<b>51</b>
	<b>Lampiran</b>	

## **Senarai Rajah**

- Rajah 1 : Carta Organisasi ..... 10
- Rajah 2 : Projek Rumah Awam Kos Randah .....25
- Rajah 3 : Jawatankuasa – Jawatankuasa .....31

## **Senarai Jadual**

- Jadual 1 : Projek Rumah awam Kos Rendah (RAKR) yang telah dilaksanakan .....26
- Jadual 2 : Projek Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) di dalam perancangan .....28

## **Prakata**

Latihan Praktikal merupakan satu bentuk latihan yang mendedahkan pelatih kepada suasana sebenar alam pekerjaan. Ia dianggap penting kepada para pelajar sebelum melangkah ke alam kerjaya bagi mencari dan mendapatkan pendedahan dan pengalaman bekerja. Atas kesedaran ini, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) telah mengambil langkah yang tepat dengan mengesyorkan dan mewajibkan para pelajarnya menjalani latihan praktikal. Bersesuaian dengan itu juga, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) telah menetapkan agar pelajar-pelajar dari Sarjana Muda Sains (Polisi Awam Dan Sekitaran) menjalani latihan praktikal di suatu tempat yang dipilih.

Antara sebab dan faedah menjalani latihan praktikal ini ialah memberi ruang kepada para pelajar memperolehi pengalaman tentang suasana kerja sebenar. Selain itu, menerusi latihan praktikal juga dapat melihat sejauh mana seseorang pelajar itu dapat mengaplikasikan pengetahuan dan teori yang dipelajari dalam kuliah kepada kerja sebenar. Peluang ini juga boleh diambil oleh organisasi penempatan pelatih menjalani latihan praktikal dengan mengenalpasti pelatih yang berpotensi untuk diambil sebagai kakitangan kelak.



## **Penghargaan**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan laporan ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan buat Penyelaras Program Sarjana Muda Sains – Polisi Awam dan Sekitaran iaitu Dr. Wan Ibrahim b. Wan Ahmad yang berusaha menempatkan saya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Di sini, saya juga merakamkan ribuan terima kasih buat Dr. Fadzli b. Adam selaku penyelia universiti yang menyelia latihan industri ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan buat Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kelantan yang menerima saya menjalani latihan industri. Di samping itu, jutaan terima kasih saya rakamkan buat Bahagian Perumahan terutamanya Tuan Haji Abd. Aziz b. Abd. Rahman selaku penyelia industri dan kakitangan-kakitanganya yang banyak membantu serta memberi tunjuk ajar sepanjang menjalani latihan industri di bahagian ini.

Selain itu, ucapan jutaan terima kasih saya tujukan buat kedua-dua ibubapa yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan semasa menjalani latihan industri. Tidak ketinggalan juga buat rakan-rakan yang sedikit sebanyak memberi dorongan dan kerjasama dalam melengkapkan laporan ini dan seterusnya kepada semua yang terlibat.

## **Ringkasan Eksekutif**

Latihan industri merupakan satu kursus teras universiti yang perlu diambil setiap pelajar untuk bergraduat. Dalam menjalani latihan industri ini, pelatih telah ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Kelantan sebagai organisasi utama. Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) merupakan Sekretariat Negeri yang mengendalikan pelbagai urusan pentadbiran negeri. Walau bagaimanapun, pelatih hanya ditempatkan di Bahagian Perumahan memandangkan Pejabat SUK merupakan organisasi yang besar iaitu mempunyai lapan bahagian utama. Bahagian Perumahan adalah satu unit pentadbiran langsung Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bahagian ini telah terpisah dari Bahagian Kerajaan Tempatan pada tahun 1980 dan mula berfungsi dengan sendirinya. Bahagian Perumahan memainkan peranan aktif dalam menyediakan Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) kepada masyarakat. Golongan sasaran bagi mendapatkan kemudahan ini ialah mereka yang berpendapatan rendah dan belum memiliki rumah sendiri mengikut kemampuan masing-masing. Bagi melicinkan perjalanan aktiviti di Bahagian Perumahan, tiga unit telah dipecahkan yang mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing. Dengan menjalani latihan industri ini, pelatih dapat memupuk sikap profesional dan matang dalam menjalankan sesuatu tugas yang diberikan. Di samping itu, pelatih juga dapat mempelajari pelbagai aspek pengurusan dan pentadbiran terutamanya berkaitan perumahan negeri selain memahami etika kerja dan corak pergaulan antara kakitangan yang diketahui amat penting dalam sesebuah organisasi.